



18 Julai 2024

KENYATAAN MEDIA PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan **Laporan PAC Parlimen Terhadap Tindakan Susulan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) Bagi Syor-syor Laporan PAC Parlimen Berhubung Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB).**
2. Laporan ini adalah bagi memaklumkan tindakan susulan yang diambil PETRA serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) terhadap 6 syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC berhubung PRAB yang telah dibentangkan di Parlimen pada **20 Mac 2024** selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304 (b) Tahun 2023.
3. PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan berhubung PRAB pada **11 Julai 2024** dan saksi yang hadir adalah seperti berikut:
 - i. **YBrs. Tuan Ramzi bin Mansor**, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan), Kementerian Kewangan;
 - ii. **YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli**, Ketua Setiausaha PETRA; dan
 - iii. **YBhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Anuar bin Othman**, Ketua Pengarah JPS.
4. Lanjutan daripada Prosiding Tindakan Susulan PRAB, Jawatankuasa ini turut memberikan ulasan bagi setiap tindakan susulan yang telah dilaksanakan oleh PETRA dan JPS.

5. PAC mengambil maklum bahawa 4 daripada 79 buah stesen yang perlu ditukar *Remote Terminal Unit* (RTU) supaya PRAB dapat berfungsi dengan sempurna telah selesai dilaksanakan. Berikutan itu, PETRA dan JPS perlu memastikan kerja-kerja penukaran RTU di 75 buah stesen disiapkan mengikut masa, kos, dan kualiti yang telah ditetapkan. PAC dimaklumkan bahawa kerja-kerja penukaran RTU di 75 buah stesen ini akan siap dan sedia digunakan pada November 2024.
6. Seterusnya, JPS telah mengadakan libat urus dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) selepas kejadian penutupan liputan 3G yang memberi kesan kepada pelaksanaan PRAB Fasa 1. Justeru, PAC mahu semua Kementerian untuk mengadakan libat urus dengan semua pihak yang berkepentingan sebelum melaksanakan sesuatu projek supaya masalah yang tidak dijangka dalam pelaksanaan mana-mana projek dapat diminimumkan.
7. Selain itu, PAC juga telah dimaklumkan tentang status pelaksanaan projek-projek PRAB Fasa 2 dan Fasa 3. Sehubungan itu, PETRA dan JPS perlu mengambil tindakan sewajarnya dengan kadar segera jika terdapat sebarang kelewatan dalam pelaksanaan projek PRAB Fasa 2 dan Fasa 3. PETRA dan JPS juga perlu memastikan projek-projek PRAB Fasa 3 yang dirancang untuk dilaksanakan secara kaedah Reka dan Bina dapat digunakan dan disepadukan (*integrate*) dengan sistem sedia ada.
8. Di samping itu, PAC mengambil maklum bahawa JPS telah menyediakan dan mengedarkan Standard Spesifikasi Bagi Penyenggaraan Pencegahan Stesen Telemetri pada 20 Mei 2024 bagi tujuan rujukan pihak negeri. Susulan itu, PETRA dan JPS perlu memastikan segala klausa yang dinyatakan diguna pakai serta sentiasa melibatkan komuniti tempatan untuk

turut memainkan peranan dalam memastikan stesen telemetri sentiasa dilindungi daripada aktiviti vandalisme, kecurian dan sebagainya.

9. PAC turut dimaklumkan mengenai tindakan yang diambil oleh PETRA dan JPS bagi meningkatkan program *Communication Education and Public Awareness* (CEPA) serta menambah baik hebahan amaran awal banjir. Dalam aspek meningkatkan program CEPA, PETRA dan JPS perlu melaksanakan pengukuran keberkesanan bagi menilai pencapaian keberhasilan PRAB supaya aktiviti ramalan dan hebahan tercapai sepenuhnya sekali gus mengurangkan impak banjir kepada penduduk.
10. Manakala, bagi menambah baik hebahan amaran awal banjir pula, PAC menyarankan supaya PETRA, JPS dan SKMM melibatkan syarikat penyedia perkhidmatan komunikasi untuk menanggung kos perkhidmatan siaran kilat (*Flash Broadcast*) melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat [*Corporate Social Responsibility (CSR)*]).
11. Ulasan terakhir PAC berhubung projek-projek PRAB ialah PETRA dan JPS perlu memastikan segala perancangan dilaksanakan mengikut jadual yang telah dicadang dan ditetapkan selaras dengan amalan terbaik dalam pengurusan projek serta menguatkuasakan segala klausa yang berkenaan.
12. Orang ramai boleh membaca setiap tindakan susulan PETRA dan JPS serta ulasan PAC dengan melayari laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin

Pengerusi PAC Parlimen